

# Media Barat sah CNN bohong

BH 9 MAY 2002

KUALA LUMPUR: Stesen televisyen CNN berbohong dengan melaporkan kononnya Presiden George W Bush memberi tekanan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya membebaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan tahanan politik yang lain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin, berkata penyelewengan fakta oleh CNN itu didedahkan oleh media Barat sendiri apabila *International Herald Tribune* dalam laporannya ini menyebut soal hak asasi manusia tidak dibincang pada pertemuan Bush-Mahathir.

"*Herald Tribune* dalam laporan yang dipetik daripada *New York Times* ada menyebut bahawa Bush, apabila ditanya mengenai isu Anwar, hak asasi manusia, kebebasan akhbar dan Akta Keselamatan Dalam Negara (ISA), cuma menyatakan dasar (luar) Amerika tidak berubah.

"Nyata sekali CNN memutarbelitkan isu dengan menyatakan Bush memberi tekanan kepada Dr Mahathir supaya membebaskan Anwar dan berikan keadilan kepada tahanan lain. Saya sendiri menonton siaran CNN ketika itu dan nyata

Wartawan CNN langsung tidak menyebut siapa sumbernya.

"CNN membuat tafsiran sendiri untuk menegak benang basah. Usahanya memburukkan Malaysia selama ini bagaimanapun terhakis apabila pertemuan Bush-Dr Mahathir itu ternyata memberi kesan positif," katanya ketika dihubungi semalam.

Kelmarin, sekembalinya daripada lawatan tiga hari ke Washington, Perdana Menteri membidas CNN yang bukan saja tidak memberinya peluang membuat penjelasan mengenai pelbagai isu penting, malah membuat kenyataan dan tanggapan mereka sendiri sambil menyifatkan tindakan itu sebagai "cara kotor".

Zainuddin berkata, pada sidang akhbar bersama Dr Mahathir selepas pertemuan kedua-duanya di Rumah Putih Selasa lalu, Bush menyifatkan Malaysia dan Perdana Menteri sebagai kawan yang sama-sama membantu membanteras keganasan.

Katanya, kenyataan Bush itu juga disiarkan dalam *Herald Tribune*.

Bagaimanapun kata beliau, putar belit CNN itu akan digunakan oleh pembangkang untuk memperkecil pertemuan Bush dan Dr Mahathir.